

## BAHAGIAN A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan fenomena cuaca panas yang melanda Malaysia. Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk menceritakan fenomena cuaca panas di Malaysia.

Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

**Penangguhan Aktiviti Luar Semasa Musim Panas**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menitikberatkan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid, guru serta anggota kumpulan pelaksana khususnya semasa berhadapan dengan fenomena cuaca panas yang tidak menentu. Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan sebarang komplikasi kepada kesihatan, KPM mengambil ketetapan agar semua aktiviti luar bilik darjah ditangguhkan serta merta sehingga pemakluman kebenaran pelaksanaan semula aktiviti dikeluarkan oleh KPM.



Minum air secukupnya dan minumlah air yang telah dimasak



Hadkan aktiviti di luar dan jika tidak dapat dielakkan, pakai topi atau payung

## BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 20 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Alam sekitar ialah anugerah Tuhan yang amat bernilai kepada kesejahteraan kehidupan manusia tidak mengira bangsa, agama, dan negara. Manusia banyak bergantung pada sumber semula jadi. Namun begitu, alam sekitar masa ini semakin tercemar kerana terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan pencemaran termasuklah penggunaan baja kimia.

Sumber : Dewan Siswa, 2016

Selain punca yang dinyatakan di atas, huraikan punca-punca berlakunya masalah tersebut.

2

Usaha menjadikan negara sebagai sebuah negara maju tidak akan tercapai jika transformasi dalam bidang pendidikan dan modal insan tidak dilakukan dengan sebaiknya. Transformasi pendidikan merupakan antara perkara yang ditekankan dalam agenda transformasi negara. Bidang pendidikan ialah satu daripada bidang keutamaan yang perlu diperjuangkan dan dibantu dari segi kewangan, prasarana serta sokongan moral oleh semua pihak termasuk rakyat.

Sumber: Dewan Siswa, 2012

Berdasarkan petikan di atas, huraikan langkah-langkah mentransformasikan bidang tersebut.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

3

Hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab sukan elektronik yang terbesar di Asia Tenggara seharusnya menjadi pemangkin bagi para remaja untuk mendalami bidang sukan baharu ini dan mendapatkan manfaat daripadanya. Hal ini dikatakan demikian kerana e-sukan tidak seharusnya dilihat sebagai memenuhi hobi semata-mata tetapi sewajarnya dilihat sebagai platform untuk melonjakkan diri dan negara ke persada dunia.

Sumber : Dewan Siswa 03/2019

Kerjaya dalam bidang ini memberi banyak kebaikan.

Bincangkan.

4

Sindiket penipuan yang didalangi oleh warga tempatan dan warga asing ini membuat panggilan telefon secara rambang dengan mendakwa mewakili pihak berkuasa ataupun institusi kewangan tertentu. Panggilan tersebut dibuat bagi mendapatkan pengesahan transaksi kewangan yang kononnya milik mangsa. Taktik ini digunakan untuk memperdaya mangsa dan boleh menyebabkan kerugian berjumlah ribuan ringgit.

Sumber : Terbitan Urus Setia KPN  
(Komunikasi Korporat)  
Polis Diraja Malaysia

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan tindakan-tindakan anda bagi mengelak daripada terpedaya dengan sindiket ini.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**